



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

STOP AIDS, KEMBALI KEPADA ISLAM

[SN4721205] STOP AIDS, KEEP THE PROMISE (Hentikan AIDS, Tetapkan Janji) adalah tema Hari AIDS sedunia yang dilangsungkan pada 1 Disember 2005. Sambutan ini bertujuan memberikan harapan kepada insan yang menghidap HIV untuk menikmati hidup yang lebih baik dan bebas daripada stigma yang sering membelenggu mereka selama ini. Di samping itu, diharapkan agar semua pihak akan mendapat maklumat meluas mengenai wabak AIDS yang disebabkan oleh penyebaran virus HIV. Majlis AIDS Malaysia dan Kementerian Kesihatan juga tidak ketinggalan menyambutnya, cuma tiada sambutan di peringkat nasional tetapi lebih kepada inisiatif tiap-tiap negeri di Malaysia.

Tema ini juga bertujuan agar tumpuan diberikan terhadap komitmen untuk mencari titik noktah AIDS disegenap peringkat individu, masyarakat, organisasi mahupun kerajaan. Jadi, topik perbincangan hangat sambutan ini adalah meneruskan penyelesaian yang sedia ada dengan menambahkan komitmen yang luar biasa untuk melawan ancaman AIDS. Setiap tahun banyak cara baru yang telah diperkenalkan; bermula dengan pengenalan kondom dan jarum percuma, seks sihat, jarum yang bersih serta suntikan dadah yang berdosa rendah, namun hakikatnya, pertambahan bilangan penghidapnya terus mendebarkan dada kita.

Punca Aids

AIDS atau *Acquired Immune Deficiency Syndrome* yang disebabkan oleh virus HIV (*Human Immunodeficiency Virus*) yang merosakkan sistem pertahanan badan. Akibatnya seseorang itu akan mudah dijangkiti penyakit yang sebelumnya tidak berbahaya menjadi amat berbahaya selepas jangkitan dan boleh mendatangkan maut. Sehingga kini masih belum ditemukan penawar yang mampu mengubati penyakit ini.

HIV pula adalah virus yang disebarkan secara dominannya melalui hubungan syahwat yang diharamkan oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala seperti hubungan homoseksual dan heteroseksual yang tiada pertalian pernikahan. Ia juga boleh disebabkan oleh perkongsian jarum suntikan di kalangan penagih najis dadah. HIV nyata adalah azab Allah ke atas pelaku seks bebas dan songsang yang telah disindir oleh Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam dari hadisnya:

"Bila riba dan zina telah berkembang merata di suatu negeri, maka (bererti mereka, penduduk negeri itu) telah menghalalkan untuk diri mereka azab Allah"

[Riwayat Hakim]

HIV adalah virus yang berjangkit dari individu ke individu melalui peralihan kuantiti tertentu cecair badan manusia, umumnya bendalir seksual dan darah. Cecair ini tidak akan berpindah dengan mudah kecuali melalui aktiviti khusus yang berada di bawah kawalan

∴:Bicara SN∴:

MEMOIR LAMBAIAN TANAH SUCI

Penyatuan Umat Islam dalam satu wadah Khilafah - itulah tujuan sebenar Khalifah Sultan Abdul Hamid II ketika menyerukan umat Islam kepada gagasan Jami'ah Islamiyyah (Pan Islamisme) dalam Negara Khilafah. Seruan penyatuan ini sebenarnya muncul dari aqidah Islamiyyah yang mempersaudarakan antara penganutnya. Bicara SN minggu ini ingin mengajak para pembaca yang budiman untuk merenung kembali memori silam tatkala wujud usaha untuk menyatukan kembali umat Islam yang sudah mula dipisah-pisahkan oleh penjajah.

Penjajah dengan sengaja menjauhkan hubungan Nusantara dengan Khilafah dan sekiranya kita meneliti buku-buku sejarah yang mereka ajarkan kepada anak-anak umat Islam di Nusantara, memang tidak pernah disebutkan mengenai usaha jahat mereka ini. Namun realiti tetap berbicara, bukti sejarah tetap tidak dapat diselindungi dan kebenaran pasti terserlah. Lebih-lebih lagi dengan ketibaan musim Haji. Umat Islam dari seluruh dunia akan menghadiri muktamar Islam terbesar di Arafah. Kesempatan inilah yang diambil oleh Sultan Abdul Hamid II untuk menyatukan kembali umat Islam yang telah dipecah-belahkan oleh penjajah pada masa itu.

Landasan Keretapi untuk Jemaah Haji dan Penyatuan Umat.

Satu di antara usaha Sultan Abdul Hamid II dalam menjayakan gagasan ini secara fizikal adalah dengan membina kemudahan pengangkutan dan perhubungan yang baik. Sultan Abdul Hamid telah mula membina landasan keretapi Hijaz pada musim bunga tahun 1901 dan berjaya menyiapkannya dalam tahun 1908. Landasan ini merupakan sebahagian dari landasan-landasan keretapi yang bertujuan untuk menghubungkan kota Istanbul dengan kota-kota lain di dalam Daulah, termasuk Mekah dan Madinah. Perancangan asal landasan ini adalah sehingga ke kota Mekah. Kalau dahulu jemaah Haji terpaksa mengambil masa satu hingga dua bulan

lihat mukasurat akhir....

manusia seperti perhubungan seks dan perkongsian jarum suntikan dadah. Terdapat juga kes-kes di mana AIDS dijangkiti melalui pemindahan darah, namun jumlahnya adalah amat sedikit.

Keadaan yang sihat boleh diciptakan sekiranya seseorang itu dapat mengelakkan dirinya daripada aktiviti tertentu yang berisiko tinggi agar kemungkinan jangkitan HIV menjadi kecil. Jika dua insan bernikah dan saling percaya-mempercayai antara satu sama lain, maka risiko jangkitan HIV dapat dielakkan. HIV yang ada pada kanak-kanak selalunya dipindahkan melalui jangkitan ibunya semasa mengandungkannya. Namun begitu, sekiranya orang dewasa tidak mempunyai kuman pembawa sudah pasti kanak-kanak juga tidak akan dapat dijangkiti.

Bangsa-Bangsa Bersatu melaporkan bahawa kadar jangkitan HIV telah meningkat ke tahap yang tertinggi dalam tahun 2004 dimana dianggarkan sebanyak 39.4 juta orang dijangkiti AIDS diseluruh dunia dan telah membunuh sebanyak 3.1 juta orang pengidapnya. [<http://www.unaids.org/wad2004/report.html>]. Malaysia juga tidak terkecuali dengan statistiknya yang amat membimbangkan. Sebanyak 19 kes baru dikesan setiap hari dengan peningkatan 300% dari tahun 1999 hingga 2003 [**Harian Metro 20 Mei 2005**]. Sejak mula dikesan pada Disember 1986 hingga Disember 2004, sebanyak 64,439 kes HIV/AIDS dilaporkan. Daripada jumlah itu, 9,442 merupakan kes AIDS dan melibatkan 7,195 kematian. Majoriti pengidapnya adalah dari golongan yang berumur dalam lingkungan 20 hingga 39 tahun [**Kertas Kerja ucapan Menteri Kesihatan Malaysia semasa merasmikan Riding for Life 2005, 4 September 2005 di Menara Kuala Lumpur**]

Kebebasan Bertingkah Laku

Sekiranya diteliti secara intelektual, fenomena ini jelas berakar dari kebebasan bertingkah laku yang dijamin oleh sistem demokrasi-kapitalisme. Kebebasan ini diterima sebagai suatu peraturan yang tanpanya, demokrasi-kapitalisme tidak akan kekal. Oleh yang demikian masyarakat secara otomatis menjadi malu untuk saling nasihat-menasihati bagi mengelakkan aktiviti tidak bermoral yang menjadi punca utama menularnya HIV. Mereka lebih cenderung mencari kaedah lain dengan melakukan pelbagai aktiviti pencegahan yang berisiko dengan perlindungan yang minima serta keputusan yang tidak pasti untuk diamalkan.

Kebebasan bertingkah laku sudah pasti akan menimbulkan banyak implikasi sosial yang serius. Ini terbukti dengan semakin menularnya penyakit ini serta pertambahan bilangan penagih dan masalah sosial yang lain. Hakikatnya, masalah sebenar bukanlah virus HIV, tetapi sikap manusia yang bertuhankan nafsu syaitan yang disemarakkan oleh agenda kebebasan. Maka timbullah banyak aktiviti hedonis yang tidak berpenghujung seperti pelacuran, dadah dan seks rambang. Allah Subhanahu wa Ta'ala berfirman:

أَرَأَيْتَ مَنْ اتَّخَذَ إِلَهَهُ هَوَاهُ ۗ هُوَ أَقَاتَتْ تُكُونُ عَلَيْهِ وَكَيْلًا ﴿٤٣﴾ أَمْ تَحْسَبُ أَنْ أَكْثَرُهُمْ يَسْمَعُونَ أَوْ يَعْقِلُونَ ۚ إِنَّهُمْ إِلَّا كَالْأَنْعَامِ بَلْ هُمْ أَضَلُّ سَبِيلًا ﴿٤٤﴾

“Terangkanlah kepadaku tentang orang yang menjadikan hawa nafsunya sebagai tuhan. Apakah kamu dapat menjadi pemelihara keatasnya? Ataukah kamu mengira bahawa kebanyakan mereka itu mendengar atau memahami. Mereka itu tidak lain hanyalah seperti binatang ternak, bahkan mereka lebih sesat jalannya” [TMQ al-Furqan : 43 – 44]

Penggunaan kondom dan bekalan jarum suntikan percuma, diharapkan agar penagih tidak akan bercongi adalah pandangan tidak matang yang mengharap penagih dadah agar lebih bertanggungjawab. Strategi ini adalah antara langkah utama pencegahan penularan HIV yang telah dijalankan oleh Barat namun gagal menyekat penularannya. Kini ia diperkenalkan pula di beberapa negara membangun termasuk Malaysia. Jika ini sahajalah bentuk pencegahan yang paling diharapkan, kegagalan adalah suatu kepastian dan virus akan terus merebak. Mungkin ada yang mengatakan, sementara mencari kaedah penyelesaian yang terbaik mengapa tidak dicuba sahaja apa jua kaedah yang dirasakan sesuai – maka kaedah ‘*trial and error*’ diguna pakai. Namun sampai bilakah kaedah ini boleh bertahan? Bukankah merupakan satu kerugian yang besar membelanjakan jutaan ringgit untuk penyelesaian yang belum tentu, malah lebih cenderung unuk tidak mendatangkan hasil yang diinginkan?

Di samping itu, pendidikan seks yang diperkenalkan di Barat malah memburukkan lagi keadaan dengan peningkatan peratusan masalah sosial dan jangkitan HIV. Sesi kaunseling juga nampaknya masih jauh dari membuahkan hasil. Kaunseling hanya cuba menyelesaikan simptom dan bukan akar permasalahan - kebebasan bertingkah laku yang mesti dihapuskan dari akar umbinya. Apa tidaknya, kebanyakan sesi kaunseling hanya berupaya menegur emosi penghidap supaya berubah menjadi insan yang lebih bermoral atau tidak berputus asa dalam kehidupan. Sedangkan kita tahu emosi manusia akan berubah-ubah mengikut gelombang persekitaran; sekiranya seseorang itu tinggal di dalam persekitaran yang baik di mana masyarakatnya menjaga tingkahlaku dan saling nasihat-menasihati maka mungkin sesi kaunseling tersebut berkesan. Namun keadaan ini mustahil berlaku di dalam persekitaran hari ini yang lebih banyak menjanjikan budaya keseronokan dan kebebasan

Pandangan Islam

Kebebasan bertingkah laku telah menjatuhkan martabat manusia kepada darjat kebinatangan yang sangat rendah. Kebebasan ini telah menjadikan

manusia begitu liar dan bebas melakukan apa sahaja tindakan yang malah tidak pernah ditemui di dalam alam binatang sekalipun. Dan masyarakat kita yang mengamalkan pemikiran kebebasan ini telah sedikit demi sedikit meniru kehidupan masyarakat Barat yang sudahpun sampai ke tahap kebinatangan.

Di dalam Islam, tidak wujud kebebasan sepertimana yang ditanggapi oleh Barat. Pertamanya, Islam jelas mengharamkan kebebasan bertingkah laku, dan mewajibkan semua aktiviti manusia terikat dengan hukum syara', kerana hukum asal perbuatan manusia terkait dengan hukum syara'. Islam memberikan aturan yang lengkap kepada manusia dalam bertingkah laku bukan sebagai suatu kekangan. Islam memberikan seluas-luasnya peluang bertindak, berekreasi dan berinovasi, tetapi dalam batas-batas yang digariskan oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala.

Kedua, hukum Islam sentiasa mengangkat martabat manusia. Oleh kerana itu, semua aktiviti yang menjatuhkan martabat manusia adalah diharamkan oleh Islam. Oleh yang demikian, di dalam Islam, masyarakat adalah kesatuan yang tak pernah dipisahkan dari kehidupan individu. Islam memandang bahawa kebaikan dan kemudatan dari tindakan dan perilaku seseorang itu bukanlah untuk individu tersebut sahaja, bahkan adalah sebahagian daripada perilaku masyarakat seluruhnya. Oleh yang demikian, Islam mengharamkan sesuatu yang boleh membahayakan masyarakat. Berdasarkan dua pandangan diatas, maka Islam menghendaki semua tindakan, perbuatan serta hasrat dari semua anggota masyarakat mesti bersifat menjunjung Islam dan tidak membahayakan manusia.

Islam Sebagai Alternatif

Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam mengibaratkan masyarakat seperti sekelompok manusia yang menaiki sebuah kapal. Jika ada yang cuba melubangi lantai kapal untuk mengambil air yang akan menenggelamkan kapal, maka semua penumpang wajiblah mencegahnya. Begitu jugalah sekiranya ada sebahagian masyarakat yang bertindak membahayakan dan merosakkan masyarakat keseluruhannya, maka hendaklah ia dicegah oleh semua. Sekiranya ini tidak dilakukan, maka semua akan binasa. Ini sesuai dengan sabda Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam:

"Sesungguhnya Allah tidak akan menyiksa masyarakat umum kerana perbuatan orang-orang tertentu hingga masyarakat umum melihat kemungkaran di hadapan mereka, sedangkan mereka mampu mengingkarinya, tetapi mereka tidak mengingkarinya. Jika mereka berbuat demikian, Allah pasti akan menyiksa masyarakat umum dan orang-orang tertentu". [Riwayat Ahmad dan at-Tabarani]

Oleh yang demikian masyarakat umumnya hendaklah berusaha semampu mungkin dan bersungguh-sungguh dalam mencegah dan menghalang perilaku bebas yang membantu menularnya HIV dan masalah

sosial lainnya. Tindakan **amar ma'ruf dan nahi mungkar** hendaklah ditingkatkan baik dari segi kualiti serta kuantitinya.

Walaubagaimanapun, tindakan fizikal dengan kekuatan dan kekuasaan adalah cara yang paling efektif bagi mencegah dan menghilangkan perilaku bebas yang menyumbang kepada peningkatan HIV dan AIDS. Oleh itu, pemerintah sebagai pihak yang memegang kekuatan dan kekuasaan bertanggung jawab ke atas pelaksanaan pencegahan ini. **Masyarakat wajib lebih tegas mendorong pihak pemerintah melaksanakan perundangan Islam secara kaffah (keseluruhan) kerana hal ini merupakan tanggungjawab setiap individu muslim keatas pemerintah/negara yang akan dipertanggungjawabkan di akhirat kelak.**

Sistem Sosial Islam hendaklah dilaksanakan sepenuhnya oleh negara dan ini akan menjadi penyelesaian jangka panjang. Ia akan membina masyarakat yang menitik beratkan peri pentingnya pernikahan sebelum melakukan hubungan seksual serta menghukum keras (dengan hukum Allah) sesiapa sahaja yang melanggarnya. Ini akan menghasilkan masyarakat yang mempunyai karakter tertentu - masyarakat yang dibina di atas dasar Islam. **Masyarakat ini walaubagaimanapun hanya akan dapat terhasil sekiranya hukum Islam diterapkan secara kaffah di bawah bendera La Ilaha illa Allah.** Negara atau Khilafah yang menerapkan Islam secara kaffah ini akan mencipta atmosfera yang kondusif untuk ketaqwaan dan kesedaran kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala. Hukum syara' akan menghalang daripada berlakunya perhubungan sosial yang tidak bermoral. Ini termasuklah peraturan berpakaian, pergaulan antara lelaki dan wanita dan pengurusan bangunan persendirian. Negara juga akan menggalakkan perkahwinan pada usia muda sekiranya perlu dan akan menghapuskan segala kekangan yang cuba menghalangnya.

Dengan pelaksanaan sistem sosial Islam, golongan muda, melalui perkahwinan akan diingatkan bahawa hubungan seks bukanlah sekadar suatu yang menyeronokkan namun ia juga datang dengan tanggungjawab dan komitmen yang cukup besar. Ini akan dapat mencegah penularan HIV secara jangka panjang. Dalam konteks institusi perkahwinan ini, Khilafah juga akan memastikan melalui penerapan Islam yang kaffah, segala perundangan yang berkaitan dengan institusi perkahwinan ini akan dilaksanakan dengan benar dan bukannya sekadar melepaskan batuk di tangga, sepertimana yang berlaku di banyak negara kaum muslimin pada hari ini yang kononnya menjalankan 'syariah Islam'.

Dalam masalah dadah pula, Daulah tidak akan bertolak ansur dengan pengeluar dan pengedar dadah. Hukuman berat yang sesuai dengan kehendak syara' akan dikenakan ke atas mereka yang terlibat dengan aktiviti ini. Tambahan pula, dengan nuansa ketaqwaan yang cukup tinggi tanpa sebarang peluang untuk seseorang individu itu cenderung kearah dadah,

aktiviti pengeluaran, pengedaran dan penggunaannya pasti akan berkurangan secara drastik.

Islam memandang bahawa menghidap AIDS bukanlah suatu dosa, tetapi perbuatan yang melanggar hukum syara' dan boleh menghantarkan kepada jangkitan HIV, itulah yang membawa kepada maksiat dan dosa. **AIDS hanya akan berkubur sekiranya punca kepada penyakit ini dihapuskan. Dan punca kepada masalah ini hanya akan dapat dihapuskan sekiranya hukum Allah yang suci ini dilaksanakan secara kaffah, bersungguh-sungguh dan ikhlas.** Wahai kaum muslimin, bersegeralah dalam usahamu untuk menegakkan Islam melalui Khilafah Islamiyyah yang mulia agar kemuliaan kalian terjaga, hak-hak kalian dilindungi dan terpelihara dan kalian sentiasa berada di dalam keredhaanNya.

Kepada penghidap AIDS yang beragama Islam, kami menyeru agar bersegeralah bertaubat dan bersabarlah. Jalanilah hidup kalian dengan penyelesaian yang mendalam dan kembalilah bertaqwa kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala dengan sebenar-benar taqwa. Semoga Allah berkenan mengampunkan kalian. Sesungguhnya setiap yang hidup itu pasti akan merasa kematian. Janganlah kalian berputus asa dari rahmat Allah Subhanahu wa Ta'ala yang keluasannya adalah lebih dari luasnya langit dan bumi...!? *wallahua'lam*

.....untuk perjalanan pergi sahaja dari Damsyik ke tanah suci[1] untuk melakukan ibadah Haji, kini dengan adanya landasan ini masa perjalanan mereka hanyalah 55 jam sahaja. Projek sepanjang 1327 batu ini terpaksa dihentikan terus kerana pemberontakan Syarif Husain (Gabenor Mekah) yang dibantu oleh penjenayah British, T. E Lawrence (Lawrence of Arabia). Umat Islam seluruh dunia menderma untuk jalan keretapi ini, penderma utama adalah dari kaum Muslimin di India tanpa bantuan dana dari negara Barat. Ibadah Haji merupakan muktamar sedunia umat Islam yang memberi peluang kepada mereka yang berhimpun untuk membincangkan hal ehwal negara mereka yang kebanyakannya dijajah oleh Kuasa Imperialisme Barat. Akibat perjuangan assabiyyah (perkauman) dan wataniyyah (patriotisme) yang rosak, banyak bahagian dari landasan keretapi ini akhirnya terbiar dan diselongkar.

Kilang Percetakan al-Amiriyah dan Peranan Ulama Nusantara.

Seratus tahun yang lalu, jemaah Haji dari Nusantara pernah dibekalkan dengan kitab percuma dari Khilafah. Seorang ulama dari Nusantara, Syeikh Ahmad Zain Al-Fathoni, telah dilantik menjadi Ketua Bahagian Melayu di kilang percetakan al-Amiriyah di Mekah al-Mukarramah, yang ditubuhkan pada tahun 1884 Masehi. Kilang ini ditubuhkan untuk membahagikan buku secara percuma kepada jemaah Haji yang dari India dan Nusantara.

Syeikh Ahmad Al-Fathoni popular di kalangan jemaah Haji Nusantara dan orang Melayu di Mekah kerana pemikirannya tersebar luas di rantau Nusantara. Para pelajarnya bertaburan di pelusuk Nusantara. Dia juga adalah Ketua Persatuan Ikatan Ulama Melayu. Pada tahun 1885 Masehi, Syeikh Ahmad telah mewakili Syarif Mekah ke persidangan ulama di Daulah Utmaniyyah. Kitab *Sabiil al-Muhtadin li-tafaqquh liamri al-din* karangan Syeikh Muhammad Rashid Abdullah al-Banjari al-Malayuwi merupakan kitab pertama karangan ulama melayu yang

diterbitkan oleh percetakan ini dan dibentangkan kepada Sultan Abd. Hamid II. Baginda amat kagum dengan usaha ini dan mengarahkan agar buku ini diulang cetak untuk dibahagikan ke pelusuk Nusantara.

Syeikh Ahmad Al-Fathoni bertungkus lumus dengan rakan dan juga pelajarnya untuk memberikan kesedaran kepada kaum muslimin dan rancangan kesatuan Islam kepada umat Islam di kawasan Nusantara ini. Bangsa Melayu menyimpan harapan yang tinggi bahawa Daulah Khilafah (Khilafah Uthmaniyyah) akan mampu melindungi mereka dan menyelamatkan mereka dari penjajahan Eropah.

Begitulah setinta pena mengenai hubungan Nusantara dengan Khilafah Utmaniyyah di Turki - Negara pelindung umat Islam di kala itu. Sayang sekali Khilafah telah digulingkan dan kini umat Islam sudah tidak ada lagi tempat untuk benar-benar berlindung. Tatkala Khilafah Uthmaniyyah berada dalam keadaan yang sangat lemah, ia masih mampu untuk berusaha melindungi dan cuba menyatukan umat Islam, meskipun di tentang hebat oleh penjajah secara fizikal dan pemikiran. Dahulu umat mengharap Khilafah untuk membebaskan mereka dari penjajahan kuasa kuffar, namun kini, ke manakah tempat kita mengadu?? O...I See, PBB(yang menjadi alat Amerika) atau ASEAN? Mampukah mereka menyelamatkan kita di dunia dan akhirat!?

wallahua'lam

[1] Muhamad Qurban, Al-Sultan Abdul Al-Hamid wa al-daulah al-Islamiah, ms 140-141

[2] Dr Eeman, Sejarah Kejatuhan Khilafah dan Sultan Abd Hamid II, ms 880

'Artikel ini mengandungi petikan ayat-ayat suci Al-Quran. Sekiranya anda tidak berkeinginan untuk memiliki nasyrah ini, sila letakkan di tempat yang dapat menjaga kesucian ayat-ayat Allah ini. Janganlah ia dibuang atau dipijak-pijak. Sesungguhnya kesucian ayat-ayat Allah wajib dipelihara'